

T3 BAB 1 PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

PMR 1996

Soalan 30 berdasarkan pernyataan di bawah.

Wang Pokok Pisang telah diperkenalkan oleh Jepun semasa mereka menduduki Tanah Melayu. Nilai mata wang Jepun jatuh dengan teruknya.

- 30 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah nilai mata wang Jepun menjadi sedemikian?
- A Kerana dicetak tanpa kawalan
 - B Kerana penggunaannya terhad
 - C Kerana bersaing dengan mata wang negara Barat
 - D Kerana mata wang tempatan digunakan secara berleluasa

(JAWAPAN A: NOTA 11e ii)

- 31 Apakah kesan penting pendudukan Jepun di Tanah Melayu?
- A Orang Melayu mempelajari taktik perang gerila
 - B Orang Melayu mula bergiat dalam bidang politik
 - C Orang Melayu mempercayai kebolehan diri sendiri
 - D Orang Melayu bertambah kuat semangat anti penjajah

(JAWAPAN D: NOTA 7ii,13)

Soalan 32 berdasarkan pernyataan di bawah.

Kuasa Barat diakui kedudukan dan kegagahannya.

- 32 Keyakinan pemimpin Asia Tenggara terhadap kuasa Barat seperti yang digambarkan dalam pernyataan di atas telah mula terhakis apabila
- A Jepun menubuhkan Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur
 - B tentera Jepun mengalahkan Rusia dalam Perang Rusia-Jepun
 - C tertubuhnya parti politik di negeri-negeri Asia Tenggara
 - D lebih ramai pemimpin Asia Tenggara mendapat pendidikan Barat

(JAWAPAN B: NOTA 2 B)

PMR 1998


35 Bagaimanakah bentuk penentangan suku kaum terbesar di Sabah terhadap Jepun?

- A Secara gerila
- B Melalui persatuan sosial
- C Melalui pertubuhan politik
- D Secara perang terbuka

(JAWAPAN A: NOTA 12d v)

PMR 1999

Soalan 29 berdasarkan rajah di bawah.



29 Berdasarkan rajah di atas, X mungkin sekali merupakan peristiwa

- A Jepun menjalin hubungan dengan Siam
- B Jepun memusnahkan kapal perang British
- C Jepun menyertai pakatan Axis
- D Jepun menghadapi sekatan ekonomi

(JAWAPAN D: NOTA 2f,g)

Soalan 30 berdasarkan senarai di bawah.

Gerakan Bumi Hangus

30 British melancarkan gerakan di atas semasa pendudukan Jepun di Borneo menjelang tahun 1942 bertujuan memusnahkan

- A jalan raya
- B kemudahan awam
- C lombong minyak
- D pelabuhan

(JAWAPAN C: NOTA 6 i)

PMR 2001

30 Prinsip yang dipegang oleh tentera Jepun untuk menaikkan semangat mereka ialah

- A tentera kuat, negara berjaya
- B tentera bersatu, negara maju
- C mati dalam peperangan, jasa dikenang
- D mati dalam peperangan, satu pengorbanan

(JAWAPAN D: NOTA 8v)

Soalan 31 berdasarkan jadual di bawah.

Sebelum 1942	Selepas 1942
Dasar Ekonomi Bebas	Dasar Ekonomi Kawalan

- 31 Apakah faktor yang membawa kepada perubahan dasar di atas?
- Pendudukan Jepun di Tanah Melayu
 - Kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu
 - Pemberontakan komunis di Tanah Melayu
 - Kemasukan pemodal asing di Tanah Melayu

(JAWAPAN A: NOTA 11a)

- 32 Bagaimanakah Pasukan Force 136 menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu?
- Mendapatkan sukarelawan Melayu di Indonesia
 - Mendapatkan sokongan daripada orang China
 - Mendapatkan bantuan Wataniah Pahang
 - Mendapatkan bantuan puak kiri
- I dan II
 - II dan III
 - III dan IV
 - I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 12d iv)

PMR 2002

Soalan 32 berdasarkan maklumat di bawah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Hasil pertanian dirampas • Serangan penyakit • Catuan beras |
|---|

- 32 Maklumat di atas menggambarkan keadaan penduduk tempatan pada masa pendudukan Jepun boleh diumpamakan sebagai
- alah bisa tegal biasa
 - sudah jatuh ditimpa tangga
 - tiada rotan akar pun berguna
 - seperti layang-layang putus talinya

(JAWAPAN B: NOTA 12i)

Soalan 34 berdasarkan maklumat di bawah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Gerila Kinabalu • Gerila Force 136 |
|---|

- 34 Berdasarkan maklumat di atas, apakah yang dapat dikaitkan antara kedua-dua gerakan tersebut?

- Mendapat sokongan kuasa asing
- Bergiat di Kota Kinabalu, Sabah
- Pemimpinnya orang British
- Menentang Jepun

(JAWAPAN D: NOTA 12 iv,v)

PMR 2003

- 29 Mengapakah Jepun berjaya menakluki seluruh Semenanjung Tanah Melayu dalam masa yang singkat?

- Jepun tidak ditentang oleh kuasa besar yang lain
- Jepun memiliki kelengkapan perang yang canggih
- British lebih menumpukan pertahanan di Singapura
- British tidak mempunyai tentera yang terlatih dalam perang gerila

- I dan II
- II dan III
- III dan IV
- I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 8i ,vi)

- 31 Jepun telah melaksanakan Rancangan Tiga Tahun Sara Diri.

Antara berikut apakah langkah yang diambil untuk menjayakan rancangan tersebut?

- Penanaman sayur-sayuran
- Peningkatan tanaman jualan
- Peningkatan tanaman ubi kayu
- Penanaman padi dua kali setahun

- I dan II
- II dan III
- III dan IV
- I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 11b)

PMR 2004

Soalan 31 berdasarkan maklumat di bawah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Seksa dulu kemudian siasat |
|--|

- 31 Di atas merupakan amalan pasukan polis Jepun yang kejam dan ganas untuk menjaga kepentingan pentadbiran Jepun.

Pasukan polis tersebut dikenali sebagai

- kempeitai
- kapten
- sarjan
- major

(JAWAPAN A: NOTA 12g)

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY


Soalan 32 berdasarkan senarai di bawah.

- Kasut getah daripada getah keping
- Bahan api daripada susu getah
- Kain daripada benang nanas

- 32 Senarai di atas merujuk kepada
- A industri baru yang diperkenalkan oleh Jepun
 - B kraf tangan yang dilakukan untuk mengisi masa lapang
 - C cara-cara menambahkan pendapatan
 - D kemahiran orang kampung menggunakan bahan terbuang

(JAWAPAN D: NOTA 12h)

PMR 2005



- 36 Rajah di atas menerangkan faktor yang menyumbang kepada kemenangan Jepun di Tanah Melayu.

Faktor X ialah

- A taktik serang hendap
- B semangat perjuangan
- C bilangan tentera ramai
- D kerjasama semua kaum

(JAWAPAN B: NOTA 8, v)

Tarikh	Peristiwa
15 Februari 1942	Leftenan Jeneral A.E. Percival menyerah diri kepada Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki di Singapura.

- 37 Maklumat di atas merujuk kekalahan kuasa Barat kepada Jepun.

Apakah kesan peristiwa tersebut kepada Tanah Melayu?

- A Mencetus gerakan ketenteraan
- B Memulakan kegiatan politik radikal
- C Menyemarak semangat menentang penjajah
- D Memperhebatkan sokongan terhadap komunis

(JAWAPAN C: NOTA 7 ii)


- Catuan makanan
- Mengutamakan kaisha

- 38 Langkah di atas merupakan cara pentadbiran Jepun mengamalkan ekonomi

- A kawalan
- B sara diri
- C komersial
- D terancang

(JAWAPAN A: NOTA 11a)

PMR 2006



- Menentukan jumlah bulan:
- Ikkagetsu, hito tsuki - sebulan
 - Nikkagetsu - 2 bulan
 - Sankagetsu - 3 bulan
 - Rokkagetsu - 6 bulan
 - Hakkagetsu - 8 bulan

- 36 Keratan akhbar di atas merujuk kepada ruangan khas belajar bahasa Jepun dalam akhbar *Fajar Asia*.

Mengapakah kerajaan pada masa itu menggalakkan pembelajaran bahasa tersebut?

- A Mendapat sokongan rakyat
- B Merupakan alat perpaduan kaum
- C Memperkayakan budaya tempatan
- D Memupuk kesetiaan kepada maharaja

(JAWAPAN D: NOTA 10, c)

Li Hui : Kasihan Ah Chong, dia telah didera minum sampai kembang.
Kim Meng: Itu mesti kerja polis tentera Jepun.

- 37 Dialog di atas mungkin berlaku pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Polis tentera Jepun yang dimaksudkan dalam dialog tersebut ialah

- A pasukan Force 136
- B ahli Bintang Tiga
- C anggota Kempeitai
- D pelatih Koa Kunrenjo

(JAWAPAN C: NOTA 12g)

PMR 2007

36 Ekonomi Tanah Melayu semakin merosot semasa pentadbiran Jepun antara tahun 1942 – 1945.

Bagaimanakah pentadbiran Jepun mengatasi keadaan tersebut?

- A Melahirkan tenaga mahir
- B Mengimport bahan makanan
- C Memperkenalkan ekonomi kawalan
- D Menghentikan perdagangan antarabangsa

(JAWAPAN C: NOTA 11a)

37 Anda adalah seorang penduduk di Tanah Melayu pada zaman pendudukan Jepun. Kehidupan anda sengsara kerana kekurangan bahan keperluan harian.

Apakah yang akan anda lakukan untuk mengatasi kesusahan tersebut?

- I Membuat kain daripada benang nanas
 - II Membuat pakaian daripada daun lalang
 - III Membuat kertas daripada kulit kayu
 - IV Membuat kasut daripada getah keping
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 12h)

- Pakatan Jepun – Thailand
- Taktik serangan Jepun
- Kelemahan pertahanan British


38 Maklumat di atas merupakan antara faktor kejayaan Jepun di Tanah Melayu.

Apakah iktibar yang boleh kita pelajari daripada maklumat tersebut?

- A Bersatu memartabatkan maruah bangsa
- B Berani menentang musuh negara
- C Bijak menyusun strategi
- D Berhati-hati terhadap propaganda

(JAWAPAN C: NOTA 8)

PMR 2008



Peta 3

36 Peta 3 menunjukkan kawasan yang berjaya ditawan oleh tentera Jepun di Tanah Melayu dan Singapura.

Apakah faktor-faktor tersebut?

- I Semangat juang tinggi
 - II Strategi berkesan
 - III Bilangan tentera ramai
 - IV Bantuan golongan imigran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 9d)

37 Peta 4 menunjukkan negeri yang diserahkan oleh Jepun kepada Thailand semasa Perang Dunia Kedua.



Peta 4

Mengapakah Jepun bertindak demikian?

- A Menghalang kehadiran tentera asing
- B Menerima bekalan senjata
- C Memperoleh maklumat sulit
- D Mendapat kemudahan laluan tentera

(JAWAPAN D: NOTA 9d)

38 Dialog berikut mungkin berlaku semasa penjajahan Jepun di negara kita.

Samad : Syukurlah, Jepun dah menyerah kalah di Singapura. Aku tak sanggup nak makan ubi kayu hari-hari

Ayob : Itu boleh tahan lagi. Aku paling tak tahan pakai baju guni.

Apakah pengajaran daripada dialog tersebut?

- A Bertoleransi untuk keharmonian kaum
- B Bersatu untuk mencapai kemajuan
- C Berusaha mengelak penjajahan asing
- D Bekerjasama untuk kesejahteraan hidup

(JAWAPAN C: NOTA 16)

PMR 2009

Tokoh	Jawatan
Abang Haji Openg	Pegawai Daerah Kuching
Dr. Burhanudin al-Helmy	Penasihat Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu

Jadual 2

36 Jadual 2 menunjukkan tokoh tempatan yang dilantik memegang jawatan dalam pentadbiran Jepun.

Mengapakah Jepun melantik mereka?

- A Menghargai jasa rakyat tempatan
- B Memenuhi desakan penduduk
- C Mengiktiraf pemimpin tempatan
- D Mengatasi kekurangan pegawai

(JAWAPAN A: NOTA 11e ii)

37 Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah memberi kerjasama kepada Jepun. Namun Jepun telah mengambil tindakan berikut terhadap KMM.

- Mengharamkan KMM
- Mengawasi kegiatan politik
- Memungkir janji kemerdekaan

Apakah iktibar daripada tindakan Jepun tersebut?

- A Menghargai khazanah negara
- B Berwaspada terhadap penjajahan
- C Membuat keputusan yang bijaksana
- D Bermuafakat untuk mengekalkan perpaduan

(JAWAPAN B: NOTA 15,16)

38 Jadual 3 menunjukkan dua pentadbiran di Sarawak.

Sarawak	
Pentadbiran Brooke	Pentadbiran Jepun

Jadual 3

Apakah persamaan yang terdapat pada kedua-dua pentadbiran di atas?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat
- C Menggalakkan penubuhan parti politik
- D Melibatkan pembesar dalam pentadbiran

(JAWAPAN D: NOTA 9e)

39 Leftenan Adnan telah terkorban demi mempertahankan negara.


Apakah pengorbanan beliau kepada negara?

- A Menentang ancaman komunis
- B Menghalang gerakan konfrontasi
- C Memperjuangkan kemerdekaan
- D Menentang tentera Jepun

(JAWAPAN D: NOTA 12 iv)

PMR 2010

39 Rajah berikut menerangkan pekerjaan yang dilakukan oleh orang Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1930-an.



Mengapakah mereka melakukan pekerjaan tersebut?

- A Mendapatkan maklumat pertahanan
- B Meningkatkan taraf hidup
- C Melatih penduduk tempatan
- D Mendapatkan sokongan kaum peribumi

(JAWAPAN A: NOTA 8 vii)

40 Jadual berikut menunjukkan tokoh tempatan yang terlibat dalam pentadbiran Jepun.

Tokoh	Jawatan
Abang Haji Openg	Pegawai Daerah Kuching
Ibrahim Haji Yaacob	Leftenan Kolonel Pembela Tanah Air (PETA)

Mengapakah Jepun bertindak sedemikian?

- A Menghargai jasa pembesar
- B Menghormati tradisi penduduk
- C Meyakini kebolehan pemimpin
- D Mengatasi kekurangan pegawai

(JAWAPAN D: NOTA 9e)

41 Pentadbiran Malayan Union 1946 mengancam *status quo* orang Melayu.

Apakah *status quo* orang Melayu yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

- A Hak mengawal parti politik
- B Pemilikan harta pusaka
- C Taraf sebagai peribumi
- D Kuasa menggubal undang-undang

(JAWAPAN C: BAB2 NOTA 3b)

T3 BAB 2 MALAYAN UNION DAN PERSEKUTUAN TANAH

PMR 1996

Soalan 34 berdasarkan senarai di bawah.

- Majlis Tindakan Bersama Tanah Melayu (AMCJA)
- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)

34 Berdasarkan senarai di atas, apakah tujuan kedua-dua pertubuhan di atas?

- A Menentang ideologi komunis di Tanah Melayu
- B Menentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- C Menentang idea penubuhan Melayu Raya
- D Menentang gagasan Malayan Union

(JAWAPAN B: NOTA 9bii)

Soalan 36 berdasarkan pernyataan di bawah.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 lebih memihak kepada orang Melayu.

36 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah keuntungan perjanjian tersebut kepada orang Melayu?

- A Untuk menjamin hak istimewa orang Melayu
- B Untuk menentukan orang Melayu diberi kuasa memerintah
- C Untuk menjamin orang Melayu menjadi kaum terbesar negara ini
- D Untuk menentukan orang Melayu menguasai bidang pendidikan

(JAWAPAN A: NOTA 8aai)

Soalan 37 berdasarkan puisi di bawah.

*Duduk termenung serta mendengus,
Air mata disapu hingus,
Melihat Malayan berjalan terus,
Menandakan bangsa Melayu sudah pupus.*

Majlis

37 Puisi di atas menggambarkan perasaan tidak puas hati pengarang Majlis terhadap Perlembagaan Persekutuan 1948.

Mengapakah pengarang akhbar tersebut berasa tidak puas hati?

- A Kerana kemasukan beramai-ramai imigran ke Tanah Melayu
- B Kerana penduduk tempatan hilang hak untuk memerintah
- C Kerana kaum imigran menguasai bidang ekonomi
- D Kerana syarat kerakyatan dilonggarkan

(JAWAPAN D: NOTA 3c)

PMR 1997

Soalan 31 berdasarkan petikan di bawah.

Malayan Union diisytiharkan oleh British pada 1 April 1946.

31 Mengapakah orang Melayu menentang Malayan Union?

- I Sultan dipaksa menyetujui Malayan Union
- II British ingin menggantikan jawatan Sultan dengan Gabenor
- III British tidak memasukkan Singapura dalam kesatuan
- IV Pembentukan Malayan Union tidak demokratik

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 3a)

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

Soalan 55 berdasarkan pernyataan di bawah.

Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) telah mengambil alih kuasa di Tanah Melayu sebelum kedatangan British. Pertubuhan ini dibubarkan pada bulan Disember 1945.

55 Antara berikut, apakah ciri pertubuhan MPAJA?

- I Sebahagian besar ahlinya terdiri daripada orang Cina
- II Mendapat sokongan pihak British
- III Taktik perjuangannya secara gerila
- IV Peringkat awal perjuangan mendapat bantuan British

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 7 ii)

PMR 1999

31 Apakah masalah yang dihadapi oleh British untuk mengembalikan kepercayaan rakyat selepas Jepun menyerah kalah?

- A Pertelingkahan kaum
- B Pertambahan anggota komunis
- C Pemusnahan kawasan pertanian
- D Pewujudan pelbagai persatuan

(JAWAPAN A: NOTA 1b)

Soalan 32 berdasarkan petikan di bawah.

"... sebuah pertubuhan politik hendaklah ditubuhkan di peringkat pusat untuk menjaga kepentingan bangsa Melayu dan tanah air tercinta ..."

Warta Negara: 14 November 1945

32 Apakah kesan daripada seruan di atas?

- A Penggabungan Kesatuan Melayu
- B Perjumpaan orang Melayu seluruh negara
- C Pertambahan bilangan orang Melayu dalam politik
- D Penganjuran Kongres Melayu Se Malaya

(JAWAPAN D: NOTA 14)

Soalan 34 berdasarkan maklumat di bawah.

Pada bulan Februari 1948, British mengisytiharkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

34 Apakah yang menyebabkan British terpaksa berbuat demikian?

- A Pembiayaan pentadbiran tinggi
 - B Penentangan terhadap **Malayan** Union
 - C Kepentingan pelaburan **British** tergugat
 - D Kegagalan British memulihkan ekonomi
- (JAWAPAN B: NOTA 7)

Soalan 36 berdasarkan maklumat di bawah.

Tokoh	Peristiwa
Sir Harold Mac Micheal	Gagasan Malayan Union

36 Bagaimanakah tokoh di atas mendapatkan tandatangan pemimpin tempatan?

- A Memberi amaran
- B Menggunakan tipu muslihat
- C Menggunakan paksaan
- D Menulis surat rayuan

(JAWAPAN C: NOTA 3a)

Soalan 38 berdasarkan senarai di bawah.

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Hizbul Muslimin

38 Apakah matlamat perjuangan parti politik di atas?

- A Menentang Gagasan Malayan Union
- B Mempertahankan kepentingan orang Melayu
- C Membebaskan tanah air daripada penjajahan
- D Menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

(JAWAPAN D: NOTA 9b)

PMR 2000

Soalan 29 berdasarkan pernyataan di bawah.

Selepas Jepun menyerah kalah, kerajaan British mengisytiharkan Pentadbiran Tentera British pada September 1945 di Tanah Melayu.

- 29 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah British bertindak demikian?
- Memulihkan kegiatan perdagangan
 - Menjaga keselamatan penduduk
 - Memulihkan jentera pentadbiran
 - Membaiki kemudahan awam
- (JAWAPAN C: NOTA 1c)

Soalan 31 berdasarkan pernyataan di bawah.

Raja-Raja Melayu telah dipaksa mempersetujui penubuhan Malayan Union pada tahun 1946.

- 31 Apakah peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas?
- Berkerat rotan, berpatah arang
 - Ditelan mati emak, diluah mati bapa
 - Yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran
 - Kera di hutan disusukan, anak di pangkuan mati kelaparan
- (JAWAPAN B: NOTA 3a)

Soalan 32 berdasarkan maklumat di bawah.

Jawatankuasa Eksekutif (Julai 1946)

- Ketua Setiausaha Negara
- 4 wakil Raja-Raja Melayu
- 2 wakil UMNO
- 4 pegawai kanan British


- 32 Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?
- Menentukan status kaum imigran
 - Merangka memorandum untuk British
 - Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - Membincangkan tentang kemerdekaan Tanah Melayu
- (JAWAPAN C: NOTA 6a)

PMR 2001

- 33 Kongres Melayu Se Malaya diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac, 1946 bertujuan untuk
- meninjau pandangan ramai
 - menentang Gagasan Malayan Union
 - menghimpunkan semua pertubuhan politik
 - merancang pembahagian hak orang Melayu

(JAWAPAN B: NOTA 10i, 14)

Soalan 34 berdasarkan rajah di bawah.



- 34 Rajah di atas adalah alasan yang diberikan oleh sebuah pertubuhan untuk menentang Gagasan Malayan Union.

Apakah pertubuhan X?

- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)
- Malayan Democratic Union (MDU)
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
- Majlis Tindakan Bersama Tanah Melayu (AMCJA)

(JAWAPAN B: NOTA 4a)

Soalan 35 berdasarkan jadual di bawah.


UMNO	
Tahun	Cogan Kata
Mei 1946	Hidup Melayu
Julai 1947	Merdeka

- 35 Mengapakah berlaku perubahan cogan kata UMNO seperti dalam jadual di atas?
- Untuk meningkatkan taraf hidup rakyat
 - Untuk mendapatkan sokongan rakyat
 - Untuk menubuhkan kerajaan sendiri
 - Untuk berjuang lebih radikal

(JAWAPAN C: NOTA 10e)

PMR 2002

Soalan 33 berdasarkan rajah di bawah.



33 Ketiga-tiga tokoh di atas telah terlibat dalam peristiwa X.

X ialah?

- A Memaksa sultan menandatangani Perjanjian Malayan Union
- B Meninjau pendapat orang Melayu terhadap Malayan Union
- C Mendesak Singapura disatukan di bawah Malayan Union
- D Membuat bantahan terhadap penubuhan Malayan Union

(JAWAPAN D: NOTA 4b)

Soalan 35 berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Tempat	Peristiwa
1946	Kelantan	10,000 orang menunjuk perasaan
1946	Rembau	30,000 orang berarak

35 Peristiwa dalam jadual di atas merujuk kepada

- A keganasan Bintang Tiga
- B kekalahan tentera Jepun
- C penentangan terhadap penubuhan Malayan Union
- D penentangan terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

(JAWAPAN C: NOTA 2c)

PMR 2003

Soalan 32 berdasarkan petikan di bawah.

“... saya dapati wanita Melayu yang masa saya berada di sini dahulu tidak pernah mengambil bahagian sama sekali dalam hal-ehwal orang ramai, sekarang memberi ucapan di tengah-tengah orang ramai.”

Kapten L. D. Gammans

32 Berdasarkan petikan di atas, apakah yang dapat dirumuskan tentang penglibatan kaum wanita dalam usaha menentang Malayan Union?

- A Memperjuangkan hak mereka
- B Menunjukkan sifat keberanian
- C Terlibat secara aktif dalam perhimpunan
- D Mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi

(JAWAPAN D: NOTA 5b)

Soalan 33 berdasarkan maklumat di bawah.

Jawatankuasa Kerja 1946
<ul style="list-style-type: none"> • Empat orang wakil Raja-Raja Melayu • Dua orang wakil UMNO • Empat orang pegawai kanan British

33 Apakah tugas Jawatankuasa Kerja tersebut?

- A Memulihkan kuasa Raja-Raja Melayu
- B Merundingkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu
- C Menentukan tarikh pilihan raya umum di Tanah Melayu
- D Merangka perlembagaan baru yang diterima orang Melayu

(JAWAPAN D: NOTA 6a)

Soalan 34 berdasarkan maklumat di bawah.

<ul style="list-style-type: none"> • Prinsip <i>jus soli</i> dihapuskan • Kedaulatan raja-raja dikekalkan


34 Maklumat di atas merupakan perubahan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Tekanan kuasa besar
- B Bantahan orang Melayu
- C Desakan daripada negara jiran
- D Kritikan daripada pegawai kanan British

(JAWAPAN B: NOTA 8c)

Soalan 35 berdasarkan rajah di bawah.



- 35 Mengapakah perubahan di atas dianggap penting kepada orang Melayu?
- A Kuasa sultan dikembalikan
 - B Pentadbiran negeri diselaraskan
 - C Hak kewarganegaraan bukan Melayu dilonggarkan
 - D Sultan mempengerusikan Dewan Undangan Persekutuan
- (JAWAPAN A: NOTA 8c)

Soalan 58 berdasarkan maklumat di bawah.

Malayan Union 1946 telah diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- 58 Apakah perubahan yang terdapat pada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 berbanding Perlembagaan Malayan Union 1946?

- I Kuasa Raja-Raja Melayu dikembalikan
 - II Pendidikan kaum asing dipertahankan
 - III Hak istimewa orang Melayu dipelihara
 - IV Syarat kewarganegaraan diperketatkan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- (JAWAPAN C: NOTA 8c)

PMR 2004

Soalan 34 berdasarkan petikan di bawah.

"Tanah Melayu hak Melayu, X tidak dikehendaki"

- 34 Slogan di atas dilaungkan oleh orang Melayu semasa
- A Malayan Union 1946
 - B pendudukan Jepun
 - C pentadbiran Tentera British
 - D Parti Komunis Malaya mengambil alih selama 14 hari
- (JAWAPAN A: NOTA 2c)

PMR 2005

- 39 Bagaimanakah orang Melayu menentang Malayan Union?
- I Mengadakan demonstrasi
 - II Menggunakan taktik perang gerila
 - III Menyuarakan bantahan melalui akhbar
 - IV Memulaukan istiadat pelantikan gabenor
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- (JAWAPAN C: NOTA 10iii a,b)

- 41 Apakah faktor yang membawa kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Kegagalan Parti Komunis Malaya
 - B Pembatalan gagasan Malayan Union
 - C Kelemahan Pentadbiran Tentera British
 - D Penentangan semua ahli Parlimen British
- (JAWAPAN B: NOTA 8a,b,c)

X	Y
1946	1948
Gabenor	Pesuruhjaya Tinggi

- 42 Rajah di atas menunjukkan perubahan pucuk pimpinan di Tanah Melayu.

Mengapakah berlaku perubahan daripada X kepada Y?

- A Pengenalan Sistem Ahli
 - B Pentadbiran Tentera British
 - C Pengisytiharan Malayan Union
 - D Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
- (JAWAPAN D: NOTA 8b)

PMR 2006


Tempat	Bilangan
Alor Star	50 000 orang
Kota Bharu	10 000 orang

- 39 Jadual di atas menunjukkan bilangan orang Melayu yang terlibat dalam demonstrasi menentang Malayan Union.

Mengapakah mereka bertindak sedemikian?

- A Syarat kerakyatan diperketatkan
- B Tamadun orang Melayu diancam
- C Majlis Raja-Raja Melayu dibubarkan
- D Sistem pentadbiran negara disatukan

(JAWAPAN B: NOTA 3b)



- 40 Berdasarkan rajah di atas, apakah X?
- A Menguasai sumber ekonomi
 - B Menyekat kemasukan imigran
 - C Membanteras ancaman komunis
 - D Memajukan sistem perhubungan

(JAWAPAN A: NOTA 1f iii)

- Menentang penubuhan Malayan Union
- Menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British

- 41 Maklumat di atas menunjukkan antara tindakan kaum wanita yang memainkan peranan penting sebelum merdeka.

Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan tindakan mereka?

- I Menghargai budaya bangsa
 - II Memelihara kepentingan bangsa
 - III Kepekaan kepada masalah negara
 - IV Berganding bahu mempertahankan negara
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 5b)

- 42 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada tahun 1948?
- A Majlis Melayu ditubuhkan
 - B Syarat kerakyatan lebih liberal
 - C Gabenor mengetuai pentadbiran
 - D Konsep Raja Berperlembagaan diperkenalkan

(JAWAPAN D: NOTA 8a, 8c i)

PMR 2007

- Majlis
- Warta Malaya
- Utusan Melayu

- 39 Akhbar di atas memainkan peranan penting membincangkan isu semasa pada tahun 1946. Apakah isu yang dibincangkan?
- A Pengisytiharan darurat
 - B Pembentukan Malaysia
 - C Pelaksanaan pilihan raya
 - D Penubuhan Malayan Union

(JAWAPAN D: NOTA 2b)

Pentadbiran Tentera British	
Tempoh	September 1945 – Mac 1946
Ketua	Sir Ralph Hone

- 40 Jadual di atas menerangkan Pentadbiran Tentera British di Tanah Melayu.

Apakah kejayaan yang dicapai oleh British dalam tempoh tersebut?

- I Menegakkan undang-undang
 - II Mewujudkan keamanan
 - III Menjimatkan perbelanjaan
 - IV Memberi latihan kepimpinan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 1c)

- 41 Mengapakah orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Memperoleh perlindungan istimewa
- B Negara mendapat kemerdekaan
- C Membentuk perpaduan kaum
- D Menguasai bidang ekonomi

(JAWAPAN A: NOTA 8a ii 8c ii)

Tarikh	1 – 4 Mac 1946
Pengerusi	Dato' Onn Jaafar
Kehadiran	41 persatuan Melayu

42 Maklumat dalam jadual di atas menerangkan Kongres Melayu yang pertama.

- Apakah kesan daripada kongres tersebut?
 A Penubuhan UMNO
 B Pengenalan Sistem Ahli
 C Pembubaran Kesatuan Melayu Muda
 D Pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu

(JAWAPAN A: NOTA 10i)

PMR 2008

39 Apakah tujuan Pentadbiran Tentera British (PTB) dilaksanakan di Tanah Melayu pada September 1945?

- A Menjadi asas sistem pentadbiran
 B Menkuatkuasakan undang-undang
 C Melaksanakan pentadbiran peralihan
 D Melatih pegawai perkhidmatan awam

(JAWAPAN C: NOTA 1ciii)

40 Tindakan berikut dilakukan oleh anggota Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) di Tanah Melayu.


- Cukai yang tinggi kepada penduduk kampung
- Merampas harta benda orang kampung
- Melakukan keganasan yang tidak berperikemanusiaan.

Mengapakah anggota MPAJA bertindak demikian?

- A Keganasan tentera Jepun
 B Kelewatan penubuhan kerajaan
 C Kekurangan sumber kewangan
 D Kelemahan pertahanan British

(JAWAPAN B: NOTA 1b)

41 Rajah 8 menunjukkan perjuangan UMNO.



Apakah X?

- A Membanteras ancaman komunis
 B Menyekat kedatangan imigran
 C Memajukan pendidikan
 D Mempertahankan sikap kenegerian

(JAWAPAN C: NOTA 10iii, 11)

42 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan imigran pada tahun 1946.

Ah Leong : Bertuah sungguh anak saya, Mei Ling. Dia dilahirkan pada 1 April 1946.
 Krishnan : Anak awak layak mendapat taraf kerakyatan Malayan Union.

Mengapakah Mei Ling layak mendapat taraf kerakyatan Malayan Union?

- A Sokongan kerajaan British
 B Pelaksanaan prinsip jus soli
 C Kemahiran berbahasa Inggeris
 D Mendapat restu Raja Melayu

(JAWAPAN B: NOTA 8b iii)

PMR 2009



40 Rajah 4 menunjukkan antara tujuan penubuhan UMNO pada tahun 1946.

Bagaimanakah tujuan tersebut dicapai?

- I Menamatkan darurat
 II Mengadakan pilihan raya
 III Membubarkan Malayan Union
 IV Menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 8b)

41 Jadual 4 berkaitan dengan tempat berlakunya demonstrasi pada tahun 1946.

Tempat	Peristiwa
Alor Setar	Demonstrasi mengecam Sir Harold MacMichael
Kota Bharu	

Jadual 4

Mengapakah demonstrasi tersebut berlaku?

- A Menentang pelaksanaan Malayan Union
 B Menolak Persekutuan Tanah Melayu
 C Membantah keganasan komunis
 D Menghalang kemasukan imigran

(JAWAPAN A: NOTA 2c)

42 Senarai berikut menunjukkan tokoh yang telah berjasa kepada negara.


- Zainal Abidin bin Ahmad
- Dato' Panglima Bukit Gantang
- Dato' Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud

Apakah sumbangan mereka?

- A Menyokong Parti Negara
- B Menganggotai Sistem Ahli
- C Menggubal perlembagaan UMNO
- D Mengasaskan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

(JAWAPAN C: NOTA 12)

43 Rajah 5 menunjukkan tindakan British mengubah status Tanah Melayu.



Rajah 5

Mengapakah British berbuah demikian?

- A Menghalang perpaduan kaum
- B Mengeksploitasi hasil bumi
- C Mengukuhkan institusi beraja
- D Menyekat penubuhan parti politik

(JAWAPAN B: NOTA 1f iii)

PMR 2010

42 Tokoh wanita dalam senarai berikut telah berjasa kepada bangsa dan negara kita Malaysia.

- Zahara Abdullah
- Halimahton Majid
- Datin Puteh Mariah

Apakah jasa mereka?

- A Menggubal perlembagaan UMNO
- B Membantah pelaksanaan Malayan Union
- C Menyertai Rombongan Merdeka
- D Menentang pendudukan Jepun

(JAWAPAN B: NOTA 5b)

41 Pentadbiran Malayan Union 1946 mengancam *status quo* orang Melayu.

Apakah *status quo* orang Melayu yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?

- A Hak mengawal parti politik
- B Pemilikan harta pusaka
- C Taraf sebagai peribumi
- D Kuasa menggubal undang-undang

(JAWAPAN C: NOTA 3b)

43 Pada 1 Februari 1948 Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk untuk menggantikan Malayan Union.

Apakah kesan pembentukan persekutuan tersebut?

- A Sultan kehilangan kuasa
- B Syarat kerakyatan lebih liberal
- C Gabenor mengetuai pentadbiran
- D Sistem Raja Berperlembagaan diperkenal

(JAWAPAN D:NOTA 8c)